

Lembaran Penjelasan Produk

Baca Lembaran Penjelasan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian, terma atau syarat am yang dinyatakan di sini.

BIL KUTIPAN MASUK-i ("IBC-i")

Tarikh: _____

1. Apakah yang ditawarkan produk ini?

- Bil Kutipan Masuk-i (IBC-i) adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank untuk pengendalian dokumen-dokumen masuk i.e. dokumen komersil dan sebagainya (tempatan dan asing) yang diterima daripada Bank Penghantar / Pengeksport (Remitting Bank) atau secara terus dari pengeksport / penjual (drawer) untuk diserahkan kepada penerima [pengimport/pembeli (drawee)] untuk bagi pembayaran dilakukan sewaktu serahan ataupun pada satu tarikh yang ditentukan setelah penerimaan Bil pertukaran usans dilakukan.
- la ditadbir oleh Uniform Rules for Collection, ICC Publication No. 522 (URC 522).

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Bil Kutipan Masuk-i (IBC-i) adalah di bawah prinsip Syariah *Wakalah bil Ujrah* di mana satu pihak yang dilantik untuk bertindak sebagai ejen bagi pihak lain dengan bayaran *manfa'ah* iaitu pembayaran untuk sesuatu perkhidmatan.
- Bank dilantik oleh pelanggan (syarikat atau individu) sebagai ejen untuk menjalankan tugas-tugas tertentu di bawah kemudahan bagi pihak mereka.

3. Apakah yang akan saya perolehi dari produk ini?

Anda akan diberi kemudahan dengan ciri-ciri utama berikut:

- Dokumen-dokumen dikendalikan mengikut praktis standard perbankan antarabangsa yang dikawal selia di bawah Peraturan "ICC Uniform Rules for Collection No 522".
- Cara pantas untuk mendapatkan dokumen-dokumen perdagangan dan membuat pembayaran segera kepada pembekal, serta meningkatkan hubungan perniagaan pelanggan dengan pembekal.

4. Apakah tanggungjawab saya?

Pelanggan / Penerima Bil perlu membuat pembayaran pada ketika dokumen-dokumen perdagangan itu diserahkan atau melakukan penerimaan bil pertukaran usans jika pembelian dilakukan atas dasar kredit untuk pembayaran kepada pembekal / pengeksport.

5. Apakah jenis-jenis fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi dan caj untuk produk ini adalah seperti berikut:

Bil Kutipan Masuk-i (IBC-i)	
Komisen Kutipan (Domestik)	0.1% pada jumlah bil, minimum RM50.00, dan maksimum RM500.00
Komisen Kutipan (Luar Negara)	0.1% pada jumlah bil, minimum RM50.00, dan maksimum RM100.00
Komisen Kutipan Usans (Domestik)	Fi Penerimaan RM150.00
Komisen Kutipan Usans (Luar Negara)	Fi Penerimaan USD50.00
Fi Pengendalian	RM15.00 bagi setiap bil muatan <i>Nota: untuk tiga (3) set dan ke atas</i>
Swift	RM60.00
Rentas	RM5.00
Duti Setem	RM10.00 bagi setiap pampasan
Kurier/Pos/Penghantaran	Bergantung kepada destinasi

Nota: Caj Kurier/Pos/Penghantaran adalah bergantung kepada destinasi

6. Bagaimana sekiranya saya tidak dapat memenuhi tanggungjawab saya?

Pengeksport / penjual berhak untuk menuntut bayaran penuh dan mengambil tindakan undang-undang / bantahan jika tidak menerima bayaran atau pengimport tidak melakukan penerimaan Bil Pertukaran usans. Semua kos berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan.

7. Apakah risiko utama berkenaan produk ini?

Bank penyerahan tidak akan mempunyai apa-apa cara untuk mengesahkan kesahihan dokumen-dokumen penghantaran kerana mereka hanya bertindak sebagai penyerah dan ejen memungut bagi pihak pengeksport dan / atau bank pengeksport.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika ada perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

- Anda perlu memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam maklumat untuk menghubungi anda untuk memastikan semua perhubungan sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Sila hubungi 03-2096 3000 atau kunjungi cawangan Bank berhampiran untuk mengemaskini maklumat untuk menghubungi anda.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan penyelesaian?

- Jika anda menghadapi masalah dalam membuat bayaran, anda perlu menghubungi kami dengan segera untuk membincangkan bayaran alternatif. Anda boleh menghubungi Bank di:

**Jabatan Kutipan & Pemulihan
Tingkat Bawah, Menara MBSB,
46, Jalan Dungun,
Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur
Telefon : 03-2096 3000
Faks : 03-2092 1035**

- Untuk alternatif lain, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (“AKPK”), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia yang menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tingkat 8, Maju Junction Mall,
1001, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur,
Telefon : 1800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh hubungi:
Jabatan Pengurusan Pengalaman Pelanggan
Tingkat 25, MBSB Bank Tower
Jalan Persiaran Barat, Section 52
46200 Petaling Jaya, Selangor
Telefon : 03-2096 3000
E-mel : complaint@mbsbbank.com/
enquiry@mbsbbank.com
- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak Bank, anda boleh hubungi:
Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK
Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato’ Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Telefon : 1-300-88-5465
Faks : +603-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai produk ini, sila layari laman web kami di www.mbsbbank.com atau hubungi Pengurus Perhubungan anda.

11. Lain-lain kemudahan yang ada?

- Surat Kredit-i (LC-i)
- Surat Kredit Masuk-i (ILC-i)
- Jaminan Bank-i (BG-i)
- Jaminan Perkapalan-i (SG-i)
- Kutipan Bil Kredit-i (CBC-i)
- Bil Kutipan Keluar-i (OBC-i)
- Pembiayaan Bil Kredit-i (CBF-i)
- Pembiayaan Bil Keluar-i (OBF-i)
- Pembiayaan Modal Kerja Tawarruq (TWCF)
- Pembiayaan Modal Kerja Murabahah (MWCF)

NOTA PENTING :

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN
DIAMBIL TERHADAP ANDA
SEKIRANYA ANDA GAGAL
MENJELASKAN BAYARAN BAGI
PEMBIAYAAN INI SECARA
BERKALA.**

Maklumat dalam Lembaran : _____
Penjelasan Produk ini sah pada _____